

Imbuhan

Bubuhlah imbuhan **meN...kan, meN...I, memper...kan** atau **memper...I** yang sesuai pada perkataan yang **dihitamkan** bagi melengkapkan ayat-ayat di bawah ini.

1. Dia **hadiah** cenderamata kepada kawannya.

2. Para pelajar digalakkan **kuasa** Bahasa Inggeris kerana banyak faedah.

3. Ibu sedang **tidur** adik sambil menyanyikan lagu kanak-kanak.

4. Farid sedang **garis** jawapan soalan latihan tatabahasa yang disalinnya ketika di dalam kelas tadi. _____

5. Murid-murid **guna** tin-tin kosong sebagai bahan untuk membuat kraftangan.

6. Kami sudah **ajar** cara-cara pemberitaan akhbar itu.

7. Anggota-anggota tentera banyak mempertaruhkan nyawa mereka demi **tahan** negara. _____

8. Mereka **tikai** keputusan yang dibuat oleh para pengundi melalui system pesanan ringkas. _____

9. Bulan Citrawarna **papar** kebudayaan pelbagai etnik di Malaysia.

10. Anak Puan Fatimah hendak **kebun** tanah terbiar di hujung kampung.

11. Tugu itu dibina untuk **ingat** jasa para penjuang kemerdekaan negara.

12. Berita yang **gempar** itu telah tersebar dengan cepat sekali.

13. Kami terpaksa **hadap** pelbagai halangan sebelum sampai ke puncak Gunung Tahan.

14. Mak Long telah **isteri** anaknya dengan anak sahabatnya.

15. Selepas makan, ibu **ambil** ayah secawan teh.

16. Petinju itu berjaya **jatuh** lawannya dengan sekali tumbukan sahaja.

17. Dalam sibuk-sibuk memasak pun dia masih sempat **suap** nasi kepada anaknya.

18. Ahli arkeologi itu berjaya **temu** beberapa fosil yang dianggarkan berusia 2000 tahun.

19. Mereka **masuk** hutan simpan itu tanpa meminta kebenaran daripada pihak berkuasa lebih dulu. _____

20. Pemegang kad pengenalan lama yang belum **baharu** kad pengenalan mereka akan dedenda. _____

21. Majlis tahlil itu diadakan bagi **ingat** perajurit-perajurit yang terkorban semasa zaman darurat. _____

22. Peserta itu **sembah** pidatonya dengan menarik sekali.

23. Pasukan keselamatan negara telah berikrar akan **taruh** nyawa mereka untuk mempertahankan tanah air. _____

24. Kerajaan akan **kenal** beberapa skim bantuan kepada siswazah.
